

06/02/2000

Keraguan negara membangun perlu diatasi

KUALA LUMPUR: Malaysia berharap satu formula dirangka untuk menangani masalah keraguan negara membangun terhadap kesan globalisasi pada sesi ke-10 Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (Unctad X) di Bangkok, minggu depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata ini kerana beberapa negara membangun tidak dapat menyesuaikan diri dengan globalisasi dan kebebasan perdagangan.

"Kita akan bincang mengenai perkara ini," katanya ketika ditanya sama ada persidangan itu akan mencari jalan keluar bagi menghapuskan kebimbangan negara membangun terhadap dasar globalisasi.

Terdahulu, beliau yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menghadiri majlis rumah terbuka Tahun Baru Cina MCA di Jalan Ampang dekat sini, semalam.

Dr Mahathir mengesahkan beliau akan menghadiri persidangan itu pada Sabtu dan Ahad depan meskipun sesetengah pihak sebelum ini menyatakan kemungkinan beliau tidak menghadirinya.

Katanya, Malaysia akan mengketengahkan keraguan negara membangun terhadap kesan globalisasi itu selain perbincangan yang akan tertumpu kepada mencari formula yang akan diajukan oleh negara membangun bagi menangani kebimbangan berkaitan.

"Kita akan cakap mengenai perdagangan dan pembangunan yang mana ini nampak terjejas di kalangan negara membangun, kerana mereka tidak dapat menyesuaikan diri dengan globalisasi dan kebebasan perdagangan ini.

"Mereka nampak terlalu banyak perbadanan yang besar sudah bergabung, menjadi lebih besar dan mereka tidak tahu apa kesannya terhadap negara mereka," katanya.

Ketua Bank Dunia, Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) adalah antara penceramah utama di sidang kemuncak itu.

Presiden Bank Dunia, James Wolfensohn akan membentangkan laporan mengenai visinya untuk pembangunan manakala Pengarah Urusan IMF yang akan bersara Michel Camdessus akan menampilkan pengalamannya memimpin badan dunia itu selama hampir sedekad.

Ketua Pengarah WTO, Mike Moore akan menyediakan laporan untuk perbahasan mengenai masa depan pertubuhan itu dan prospeknya.

Turut menghadiri persidangan itu adalah ketua negara beberapa negara membangun terutama dari rantau Asia selain menteri pembangunan dan perdagangan dari negara maju dan negara Selatan.

Mengenai laporan kelmarin bahawa Malaysia mungkin dimasukkan ke dalam Dana Nomura yang dicadangkan iaitu versi Jepun bagi indeks Morgan Stanley Capital International, Dr Mahathir berkata beliau mengalu-alukan perkembangan itu.

Ditanya apakah dengan kemasukan itu akan membantu memperkukuhkan lagi pasaran saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), beliau berkata: "Ya, saya berpendapat ia akan begitu."

Kelmarin, Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Ali Abdul Kadir berkata perkembangan itu mencerminkan kesedaran yang kian meningkat terhadap pasaran ekuiti Malaysia oleh pelabur antarabangsa.

Kalangan penganalisis saham berpendapat, kemasukan Malaysia ke dalam Dana Nomura akan meningkatkan lagi minat terhadap Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) di kalangan pelabur Jepun, yang telah bergiat aktif di pasaran

tempatan sejak sekian lama.

(END)